

Kontrak dalam Keusahawanan: Ketentuan, Keizinan Bebas & Keesahan Undang-Undang

Mimi Sofiah Ahmad Mustafa

JABATAN UNDANG-UNDANG, UITM CAWANGAN MELAKA, MELAKA.

*Email Penulis:mimi@uitm.edu.my



Salam ceria. Penulis mohon untuk menyampaikan elemen pembentukan kontrak seterusnya iaitu ketentuan, keizinan/kerelaan bebas dan juga keesahan undang-undang. Tiga elemen yang terakhir ini akan menyempurnakan pembentukan kontrak yang pada mulanya hanya dianggap sebagai perjanjian sahaja di sisi undang-undang dan tidak boleh mengikat pihak-pihak yang berjanji. Kesemua lima elemen sebelum ini telah pun dijelaskan dalam edisi-edisi yang terdahulu, Alhamdulillah. Ingat ye, jika kesemua lapan elemen ini tidak ujud dalam perjanjian yang dibuat antara pihak-pihak berkenaan, maka tiada kontrak yang sah yang termaktub antara mereka. Jika tiada kontrak, tiada sebarang tuntutan mahkamah yang boleh dibawa sekiranya terdapat pertelingkahan yang timbul dalam pelaksanaan kontrak itu.

Perjanjian yang dibuat antara dua pihak itu mestilah mempunyai terma yang jelas dan tidak kabur untuk menjadikan ia sebuah perjanjian yang boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang. Perkara ini diperuntukkan oleh seksyen 30 Akta Kontrak 1950. Jika ada sebarang peruntukan yang sukar untuk ditentukan, ia tidak memberi hak kepada pihak-pihak yang berjanji itu untuk menuntut di mahkamah. Sebagai contoh, Mak Su menawarkan rumah kedainya untuk disewakan kepada Budi pada harga RM1500 atau RM2000 sebulan. Tiada ketentuan dalam perjanjian ini kerana Budi boleh memilih salah satu daripada harga yang ditawarkan Mak Su untuk sewaan tersebut. Sekiranya Budi tidak pernah membayar sewa kedai berkenaan selama dia menggunakan premis tersebut, kemungkinan Mak Su tidak boleh menuntut terhadapnya kerana tiada kontrak yang sah ujud di antara mereka disebabkan tiada ketentuan dalam perjanjian mereka itu.

Bagi elemen keizinan/kerelaan bebas pula, perjanjian yang dibuat mestilah diperolehi secara bebas (*freely given*) tanpa sebarang usur paksaan, pengaruh tak wajar (*undue influence*), penipuan ataupun salahnyataan (*misrepresentation*). Oleh yang demikian, jika Milah memaksa Tipah jualan tanahnya kepada Milah untuk elakkan Milah cederakan anak-anak Tipah dan Tipah terpaksa bersetuju untuk menyelamatkan anak-anaknya, kontrak ujud antara Milah dan Tipah disebabkan

Namun, persetujuan itu dicemari dengan unsur paksaan yang menjadikan keizinan yang diberi oleh Tipah itu tidak diberi dengan bebas/rela dan menyebabkan kontrak itu menjadi kontrak boleh batal iaitu ia tetap sah sehinggalah ia dibatalkan. Di sisi undang-undang, Tipah boleh menuntut di mahkamah agar kontrak yang awalnya dibuat dengan Milah itu diisytiharkan sebagai batal dan tidak boleh berkuatkuasa kerana terdapat elemen paksaan yang mendorong Tipah untuk memberi keizinannya untuk menjual tanah tersebut kepada Milah. Perlu diingat bahawa kontrak itu tetap menjadi kontrak boleh batal sehinggalah pihak yang terkilan membawa tuntutan ke mahkamah untuk membatalkannya. Semua peruntukan mengenai keizinan bebas ini termaktub di dalam seksyen 10-23 Akta Kontrak 1950.

Akhir sekali, semua perjanjian yang dibuat mestilah mempunyai tujuan yang sah di sisi undang-undang iaitu ia tidaklah boleh ada objektif berunsur jenayah atau mempunyai tujuan untuk memberi tekanan kepada mana-mana pihak dalam pembentukannya. Misalannya, Pak Akop menawarkan RM50,000 kepada Demang untuk membakar rumah Aduka. Perjanjian ini tidak boleh menjadi kontrak yang sah kerana ia mempunyai motif jenayah. Tiada tuntutan yang boleh dibuat jika terdapat pertelingkahan dalam pelaksanaan perjanjian tersebut.

Semoga apa yang telah dinukilkan dalam ruangan ini memberi manfaat kepada semua pembaca dalam merancang sesuatu perjanjian di masa hadapan. Jangan dilupakan kata-kata terkenal ini, "*Ignorance of the law is no defence*". Selamat berkontrak semua!

Rujukan:

Akta Kontrak 1950, Percetakan Nasional Berhad, 2006

Nasreen Miza Hilmy Nasrijal *et al.*, 'Business Law', Internal Circulation, UiTM Cawangan Melaka, 2020.

Se moga apa yang telah dinukilkan dalam ruangan ini memberi manfaat kepada semua pembaca dalam merancang sesuatu perjanjian di masa hadapan. Jangan dilupakan kata-kata terkenal ini, "*Ignorance of the law is no defence*". Selamat berkontrak semua!